

I&P buka perpustakaan awam pertama di Bukit Damansara



AHMAD Sarji Abdul Hamid (kanan sekali) berkata sesuatu kepada Rasin Abu Bakar (dua kiri) pada majlis perasmian Perpustakaan Awam Bukit Damansara, di Kuala Lumpur, kelmarin.

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Syarikat I&P Group Sdn. Bhd. meluaskan program khidmat masyarakatnya (CSR) dengan membuka sebuah perpustakaan awam pertama milik mereka di Bukit Damansara dekat sini.

Pengerusinya, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, pembinaan perpustakaan yang dibuka kepada orang ramai itu bertujuan memupuk minat membaca dan menambah ilmu dalam kalangan masyarakat.

"Perpustakaan ini mempunyai sebanyak 9,500 buah buku serta 768 buah buku yang dipinjamkan daripada perpustakaan peribadi saya sendiri serta dilengkapi sebuah kafeteria untuk keselesaan pengunjung.

"Pembinaan perpustakaan dua tingkat ini melibatkan kos sebanyak RM6.2 juta serta mempunyai reka bentuk berkonsepkan estetik pasca moden iaitu gabungan antara konsep moden dan tradisional," kata-

nya ketika berucap merasmikan perpustakaan itu hari ini.

Yangturut hadir, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Datuk Rasin Abu Bakar, Pengarah Urusan I&P Group, Datuk Ir. Jamaluddin Osman dan wakil-persatuan-persatuan penduduk Bukit Damansara.

Menurut Ahmad Sarji, bagi mewujudkan sebuah perpustakaan terbaik dan mudah diakses, perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan itu diuruskan sepenuhnya, a PNM.

Tambahnya, pengunjug hanya perlu mendaftar sebagai ahli menggunakan MyKad bagi warga Malaysia serta pasport bagi warga asing dan setakat ini perpustakaan tersebut mempunyai sebanyak 1,100 ahli.

"Perpustakaan ini beroperasi bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang setiap hari dan hanya ditutup setiap Isnin dan pada cuti umum," katanya.

Cadangan naik cukai pintu wajar

PUTRAJAYA 17 Nov.- Cadangan untuk menaikkan kadar cukai taksiran pintu sekitar ibu kota mengikut nilai hartanah semasa adalah wajar dan bukan bertujuan membebankan rakyat, kata Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau berkata ini kerana sudah 21 tahun cukai itu tidak dinaikkan.

"Harga rumah di situ lebih sejuta dua juta tetapi mereka bayar harga lama (kadar cukai pintu lama)," katanya kepada pemberita selepas Program Hari Kanak-Kanak Wilayah Persekutuan 2013 di sini Sabtu.

Bagaimanapun, Tengku Adnan berkata